

Bidang tugas Jabatan Audit Negara diperluas - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu bidang tugas Jabatan Audit Negara (JAN) diperluaskan meliputi kerangka ombudsman atau institusi hisbah iaitu tidak hanya terhad kepada pengauditan.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun, perkara itu masih lagi dalam peringkat perbincangan, namun ia bakal memperkukuhkan skop tugas JAN selepas mengambil kira prestasi jabatan itu yang memuaskan melalui teguran-teguran kepada semua jabatan Persekutuan dan negeri.

“Saya memutuskan untuk meningkatkan peranan dan bidang tugas JAN bukan sahaja pengauditan dalam konteks sekarang, tetapi meliputi kerangka yang disebut tugas ombudsman.

“Maknanya apa yang dilakukan (JAN) sekarang diperkukuh dan mungkin kita perkenalkan beberapa kaedah baharu, diperkuatkan supaya jelas dan kita bawa (cadangan ini) kepada Jemaah Menteri,” katanya ketika menyampaikan amanat dalam perjumpaan bersama pengurusan dan warga JAN, di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan



ANWAR Ibrahim ketika berucap pada sesi perjumpaan bersama pengurusan dan warga Jabatan Audit Negara (JAN) di Putrajaya. semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Mohd. Radzi.

Ombudsman ialah merujuk kepada pegawai atau badan rasmi atau separa rasmi yang bertanggungjawab menerima dan menyalurkan aduan daripada orang ramai kerana tidak berpuas hati dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan jentera kerajaan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau akan memastikan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) pada tahun ini akan dibahaskan dan segala kelemahan atau wujud apa-apa pelanggaran tugas dan penya-

lahgunaan kuasa diperbetulkan dan diambil tindakan.

Anwar berkata, ketika beliau memegang jawatan Menteri Kewangan dahulu, setiap tahun LKAN dianggap sebagai satu dokumen penting dan Kementerian Kewangan (MOF) mesti mengetuai satu tugas untuk meneliti semua laporan.

Ini termasuk memastikan semua jabatan patuh, jika tidak, masalah sama akan berulang lagi seolah-olah apa yang dilaporkan JAN itu hanya ‘dibakulsampahkan’.

“Kalau kita ambil serius tin-

dakan ini mulai sekarang tiap teguran itu perlu dijawab kerana apa yang dikaji, diteliti atau ditelusuri oleh JAN ini ternyata ada beberapa kelemahan yang jelas.

“Ini harus dibetulkan, sebab itu tahun ini sebaik laporan dibentangkan, saya pastikan pertama jemaah menteri dan semua menteri dan Ketua Setiausaha (KSU), ketua pengarah masing-masing diwajibkan untuk meneliti semua laporan ini dan memberi jawapan atau tindakan yang memuaskan,” katanya.